

Tanggungjawab wakili negara bukan halangan

Lima atlet negara terima ijazah



Oleh ALIF FADLI MOHD. SORI
dan NURUL NABILA CHE ZAIWAI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 3 NOV.

Di sebalik kesibukan memenuhi tanggungjawab mengharumkan nama negara dalam bidang sukan, lima orang atlet kebangsaan hari ini meraih kejayaan apabila menerima ijazah masing-masing sempena Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-39 hari ini.

Bagi pemain hoki kebangsaan, Farah Ayuni Yahya, 26, usaha tanpa henti biarpun terpaksa berhempas pulas membahagikan masa antara pengajian di UPM dan latihan merupakan kunci kepada kejayaannya.

Menurut beliau yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi, dorongan daripada keluarga dan rakan-rakan atlet yang telah menamatkan pengajian mereka membuatkan beliau lebih bersemangat walaupun hampir berputus asa.

"Saya minat pada sukan namun saya tahu, pendidikan adalah jaminan kepada kestabilan hidup pada masa akan datang. Biarpun terpaksa belajar dan berlatih siang hingga ke malam, namun saya puas dan gembira," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau antara 7,065 graduan UPM yang menerima ijazah dalam majlis konvokesyen di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di universiti itu.

Atlet lain yang berjaya menamatkan pengajian mereka dalam majlis konvokesyen yang sama ialah atlet angkat berat negara, Elyone Matin, 25; Muhammad Ali Abdul Karim, 26, (tinju); serta dua pemain hoki, Siti Shahida Saad, 28, dan Mohamad Sukri Abd. Mutualib, 29.

Sementara itu, Elyone yang



SITI SHAHIDA SAAD (kiri), Elyone Matin (tengah), Farah Ayuni Yahya (kanan) serta Muhammad Ali Abdul Karim gembira setelah menerima skrol ijazah dalam Majlis Konvokesyen UPM Ke-39 di Serdang, semalam.

merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi berkata, walaupun menghadapi kekangan masa yang begitu padat tetapi itu tidak mematahkan semangatnya untuk terus berjuang dalam bidang sukan angkat berat dan juga pelajaran.

"Sebagai seorang mahasiswa saya perlu membuat dua perkara dalam satu masa dan ini bukan satu hal yang mudah untuk saya menamatkan pengajian selama empat tahun," katanya.

Bagi Muhammad Ali pula yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Bahasa Inggeris), beliau terpaksa menangguh aktiviti sukan buat sementara waktu bagi membenarkan fokus kepada pengajiannya.

"Biarpun sukar namun saya percaya kejayaan ini merupakan jaminan kepada masa depan yang lebih cerah dan pastinya, saya akan terus berusaha dalam semua bidang yang diceburi," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad Sukri berkata, sukan yang diceburi ini hanya bersifat sementara dan pelajaran merupakan satu faktor penting yang harus diutamakan.

"Walaupun pembahagian masa merupakan masalah utama tetapi ini tidak mematahkan semangat untuk menggenggam segulung ijazah malah keluargalah yang memberi sokongan dan dorongan supaya saya tidak mudah mengalah," katanya.